


**.. SYARIKAT PERNIAGAAN PELADANG MADA SDN. BHD. (SPPM) ..**

Tkt. 10 & 11, Bgn. Menara Peladang, Jln. Telok Wanjah, 05200 Alor Star, Kedah D.A.  
Telefon : 064-7312711 (5 talian) Fax : 064-7313205

**:: Pengenalan**

Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. atau SPPM telah ditubuhkan pada 28 Jun 1975 dengan saham dibenar sebanyak RM 10.00 Juta. Majoriti pegangan sahamnya sebanyak 86.30% dimiliki oleh 27 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA dan bakinya oleh Syarikat Perindustrian dan Perniagaan (MADA) Sdn. Bhd. (SPPI).




**:: Objektif Penubuhan**

- i. Mewujudkan kesejahteraan ekonomi dan sosial petani-petani di kawasan MADA melalui PPK, iaitu dengan pengembelian tenaga, fikiran dan wang ringgit petani.
- ii. Membuka peluang kepada peladang melabur di dalam bidang perniagaan, perusahaan dan perindustrian.
- iii. Menyediakan perkhidmatan kepada petani melalui aktiviti pembekalan dan pengembelian bahan-bahan utama keperluan petani supaya mutu barangan yang dibekalkan dan harga adalah pada paras yang memuaskan.



## :: Pengurusan Syarikat

**SPPM** adalah diterajui oleh seorang Pengerusi dan beberapa orang Pengarah yang antaranya dipilih dalam Mesyuarat Agung SPPM dan lantik. Struktur organisasi syarikat adalah seperti berikut :



Disamping itu, bagi menjayakan urusan perniagaan dan pentadbiran, syarikat diuruskan oleh seorang Pengurus Besar yang dilantik, 2 orang Pengurus Kanan Pentadbiran dan Operasi serta seorang Eksekutif Akaun.

## :: Aktiviti Syarikat

Di antara aktiviti utama syarikat yang dijalankan ialah pengeluaran pelbagai jenis baja, pemasaran input-input pertanian, pembekalan tanaman hiasan dan kontraktor pembinaan serta lanskap.

